

Soalan No: 103

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH]

TARIKH : 26.5.2016

SOALAN :

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status 6 buah sekolah Tamil baru yang dijanjikan. Berapakah kos pembinaan setiap sekolah tersebut dan perbelanjaan yang telah dibayar oleh Kementerian setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha memastikan pembangunan semua sekolah di seluruh negara termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) mendapat keperluan yang kondusif. Sehubungan dengan itu, status pembinaan 6 buah SJKT baru adalah seperti berikut:

1. Sebuah sekolah iaitu SJKT Taman Sentosa, Klang telah memulakan pembinaan dengan kemajuan fizikal pembinaan lapan (8) peratus. Manakala kos pembinaan sekolah ini adalah sebanyak RM27,120,000.00.

2. SJKT PJS 1, Petaling Jaya pula masih dalam proses reka bentuk dan kos pembinaan adalah sebanyak RM27,120,000.00

3. Sebuah sekolah iaitu SJKT Taman Keladi, Sungai Petani masih dalam proses menunggu kelulusan kebenaran merancang. Pembinaan sekolah ini akan menelan belanja sebanyak RM18,000,000.00.
4. SJKT Heawood, Sungai Siput, Perak, masih dalam proses penyediaan dokumen tender.
5. Dua buah sekolah iaitu SJKT Bandar Mahkota, Banting dan SJKT Bandar Sri Alam, Pasir Gudang masih dalam proses tender.

RJM83

NO. SOALAN : 104

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]

TARIKH : 26 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta PERDANA MENTERI menyatakan tindakan-tindakan yang dilaksanakan bagi menyelesaikan isu pertikaian antara pemandu taxi dengan pemandu Uber dan GrabCar serta langkah-langkah bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kereta sewa di negara ini.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan tempahan teksi melalui aplikasi adalah dibenarkan selagi penyedia perkhidmatan (pemandu) menggunakan kenderaan berlesen dan mematuhi undang-undang yang ditetapkan di negara ini. Mana-mana penggunaan kenderaan persendirian untuk perkhidmatan teksi adalah satu kesalahan berdasarkan peruntukan seksyen 16, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.
2. Sehingga kini, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) masih mengambil tindakan penguatkuasaan secara berterusan seperti tindakan saman dan sitaan kenderaan kepada pihak-pihak yang melanggar syarat dan peraturan. Selain itu, peringatan bertulis turut telah diberikan kepada Pengendali Berlesen yang terlibat untuk berhenti daripada menyediakan perkhidmatan yang melanggar syarat-syarat lesen yang ditetapkan.
3. Bagi langkah penyelesaian masa panjang, S.P.A.D. telah menjalankan satu makmal transformasi teksi bersama agensi-agensi Kerajaan dan juga pihak berkepentingan terutamanya dalam industri ini (*industry player*). Hasil daripada makmal tersebut, S.P.A.D telah memuktamadkan beberapa cadangan inisiatif penambahbaikan industri teksi secara menyeluruh. Kesemua cadangan inisiatif-inisiatif ini sedang diperhalusi dan Kerajaan akan membuat keputusan pada masa terdekat.
4. Polisi baru bagi mengawal selia dan memantau sistem tempahan teksi atas talian melalui aplikasi pintar/mudah alih juga sedang dirangka. Beberapa syarat dan piawaian akan diperkenalkan bagi memastikan semua penyedia aplikasi ini menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pengguna dan dalam masa yang sama memberi manfaat kepada pemandu. Polisi baru ini akan mewujudkan *win-win situation* dan memastikan kesamarataan di antara teksi biasa dan juga

pemandu yang menggunakan aplikasi tempahan atas talian. Ini secara langsung akan meningkatkan mutu perkhidmatan teksi dan sekali gus akan memberi manfaat kepada semua pihak termasuklah pemandu dan juga pengguna.

Sekian, terima kasih.